

# BAB SATU

## 1.0 Pendahuluan

Pascamoden merupakan salah satu daripada kepelbagaian aliran pemikiran yang muncul pada abad ke 20. Ia juga dikatakan sebagai satu istilah yang agak sukar untuk difahami. Ia juga sebagai satu bentuk pemikiran yang hanya muncul dalam arena akademik sejak pertengahan tahun 1980an. Oleh kerana ia hanya merupakan satu konsep maka kemunculanya begitu cepat tersebar dalam semua bidang keilmuan seperti seni, muzik, senibina, komunikasi, undang-undang filem, sosiologi, fesyen, teknologi dan sebagainya. Antara tokoh-tokoh yang sering dikaitkan dengan pascamoden ialah Rauschenberg, Baselitz, Schnabel, Jencks, Venturi, Kiefer, Derrida, Lyotard, Popper, Feyerabend, Kuhn dan Warhol.

Kemunculan pascamoden telah menggerakkan para pengkaji untuk terus meneliti setiap etika, falsafah, metod, ciri, mesej dan pengaruhnya dalam masyarakat. Untuk mengkaji bentuk pemikiran ini, penulis telah membuat rujukan dan membaca setiap penulisan berhubung dengan pemikiran ini, seterusnya penulis telah membahagikan penulisan ini kepada beberapa bahagian, agar kupasan dapat dilakukan dengan lebih jelas dan teratur serta wujud perkaitan antara satu bab dengan bab yang lain.

Seperti biasa setiap penulisan akan dimulai dengan pengenalan. Dalam bahagian ini penulis hanya menyatakan secara umum apakah yang akan ditulis dalam setiap bahagian seterusnya, agar pembaca akan mendapat satu gambaran rangka penulisan ini dan memudahkan mereka memahaminya. Sebagai pembuka bicara, dapatlah penulis nyatakan di sini bahawa agak sukar

untuk menentukan bilakah tarikh sebenar kemunculan istilah '*postmodernism*'. Ada pendapat yang mengatakan bahawa istilah ini dikatakan menjadi popular dalam era lewat 40an dan awal 50an, selepas mengharungi perang dunia kedua. Di peringkat awalnya ia berkembang dalam dunia sastera, kemudian ia mula mempengaruhi bidang-bidang lain seperti seni bina, falsafah dan ilmu sains sosial.<sup>1</sup> Walau bagaimanapun, Arnold Toynbee seorang pemikir sains sosial yang terkenal dikatakan telah mempopularkan istilah ini dalam tahun 1939 selepas ia dikenalpasti pada tahun 1934.

Difahami, kemunculan pascamodenisme berlandaskan sekularisme, malah ia dikatakan wajah baru sekularisme. Kelahiran pascamodenisme ini dilihat bertentangan dengan kemunculan modenisme yang berlandaskan rasional akal fikiran yang mutlak. Istilah pertentangan ini disebut oleh Jacques Derrida sebagai '*logocentrism*'.<sup>2</sup> Berodakan ekonomi yang berpaksikan konsep '*free market*', pascamodenisme bergerak dengan pantas menghayun nila-nilai liberalisme melalui teknologi media maklumat dan hiburan. Kalau dahulu, moden diimejkan sebagai suatu gaya hidup yang elit dan sukar didekati tetapi kini pascamodenisme adalah gaya hidup yang popular yang senang mempengaruhi persekitarannya. Malah tiada kesukaran dalam proses penyebarannya kerana teknologi hiburan dan maklumat terkini menjanjikan penerokaan dan penjajahan secara bebas lepas yang lebih pantas dan berkesan tanpa ada batas sempadan.

Seperti mana ideologi sekularisme yang menular masuk dalam segenap penjuru kehidupan masyarakat dunia hari ini, pascamodenisme juga turut

melata dan meniti setiap ruang kehidupan manusia. Hasil dari cetusan pemikiran pascamoden, telah melahirkan satu gaya hidup yang dikenali sebagai pascamodeniti. Kini secara perlahan-lahan budaya tersebut sedang mengambil alih dunia yang kita diami. Ia merangkumi segala bentuk pemikiran, pengetahuan, budaya, cara hidup, pekerjaan, pakaian, pertuturan dan segala elemen yang bersangkutan dengan kehidupan. Ringkasnya, pascamodeniti kini sedang mengunyah kebudayaan tradisi kita, walaupun sebelumnya ia telah dikikis oleh sekularisme.

Kedatangan pascamodenisme dalam kehidupan masyarakat dunia seolah-olah disambut dan diterima dengan sukarela, suasana ini sudah pasti membuka ruang kepadanya untuk menghapuskan sedikit sebanyak nilai tradisi budaya bangsa sesuatu masyarakat dunia. Contohnya hari ini budayawan kita sering menegur jenerasi muda yang sudah kehilangan identiti bangsanya. Mereka cuba menghidupkan nilai-nilai asli bangsa melalui ucapan-ucapan dan ungkapan yang bernada teras bangsa di media-media agar ia didengari dan dipraktikkan oleh golongan muda kini. Namun sejauh manakah usaha kecil yang dilakukan oleh budayawan bangsa kita ini dapat menangkis serangan pascamodenisme yang ternyata begitu hebat penularanya dengan berbekalkan senjata '*versatile*'nya yang sering menakjubkan.

Asas yang mencorakkan budaya pascamodenisme ialah menimbulkan keraguan terhadap kebenaran. Keraguan terhadap kebenaran ini akhirnya berkembang bertukar menjadi satu bentuk kebencian yang sering mengundang perdebatan untuk mencari titik pendirian dalam disiplin pengkajian seni dan

sains. Kelahiran pascamodenisme secara revolusi ini telah didokong oleh prinsip-prinsip asas yang ada dalam pemikiran dan budaya pascamodenisme yang telah digariskan oleh Ziauddin Sardar sebagai prinsip ketiadaan suatu yang benar (*no truth*), kehampaan realiti (*no reality*), kegersangan makna (*no meaning*), kepelbagaian (*multiplicities*), kesamarataan (*equal representation*) dan keraguan yang menyeluruh (*total doubt*).<sup>3</sup>

Era pascamoden juga sering dirujuk sebagai era pascaindustri. Ia menggambarkan peningkatan bilangan kelas pekerja di bandar dan kebangkitan negara industri lain dengan kelas pekerjaanya. Pengaruh pemikiran pascamoden menggugat pemikiran falsafah moden yang bertunjangkan kepada kepada semangat '*enlightenment*' (pencerahan). Peradaban negara lain yang telah menerima semangat pencerahan ini turut tertarik kepada pascamodenisme yang datang dengan unsur positifnya dan cuba untuk memecahkan totalitarianisme modenisme.<sup>4</sup> Modenisme adalah satu bentuk pemikiran dan budaya barat yang angkuh dengan rasionalitinya. Ia juga fanatik dengan kemajuan, pragmatisme dan sifat hegeomoninya. Segala unsur-unsur ini telah mula dicabar dengan kehadiran pascamoden. Sehubungan dengan ini, Ziauddin Sardar ada menyebut sebagai;

*'Postmodernism, many non-Western intellectuals and writers have argued, is a counter-trend againsts modernity's marginalisation of Third World thought and culture: it 'decenters' the "center" make the "periphery" the center of all cultural action.'*<sup>5</sup> (Ziauddin Sardar, 1995, hal: 132)

Bagi meneruskan perbincangan dalam penulisan ringkas ini, tumpuan turut diberikan dalam bahagian kedua agar aliran bacaan pembaca tidak akan terganggu. Supaya pembacaan menjadi lebih licin dan mudah untuk difahami penulis akan menerangkan secara ringkas konsep modenisme yang menjadi latar belakang atau asas kemunculan pascamodenisme. Di bahagian ini juga, secara ringkas penulis akan memaparkan beberapa pendapat tokoh-tokoh modenisme yang bertanggungjawab dalam mengembangkan sayap modenisme ke seluruh dunia melalui pemikiran-pemikiran mereka.

Tujuan paparan idea tokoh-tokoh ini adalah semata-mata untuk memantapkan dan menjelaskan lagi pemahaman pembaca mengenai modenisme yang menjadi asas kelahiran pascamodenisme. Contohnya aliran-aliran di zaman '*enlightenmen't* seperti faham '*empiricism*' yang bersifat positivis dan aliran modenisme itu sendiri yang menjadi tunjang asas kepada kelahiran pascamoden seperti aliran pemikiran rasionalisma yang mendewakan akal fikiran seperti yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh dalam era moden. Walau bagaimanapun seperti yang telah dinyatakan pemaparan idea-idea tokoh moden ini tidaklah terperinci kerana fokus penulisan hanyalah untuk melihat pascamodenisme bukan modenisme.

Di samping itu penulis juga akan mengemukakan definisi-definisi atau hujah-hujah berhubung dengan maksud pascamodenisme agar ia dapat dibandingkan dengan modenisme atau dapat dilihat kemungkinan masih wujud persamaan di antara keduanya. Di dalam bab ini idea-idea teras atau pokok pemikiran pascamodenisme tidak akan dibicarakan dengan mendalam

kerana fokus bab ini hanyalah seola-olah perkenalan awal dengan pascamodenisme. Oleh kerana itu perbincangan mengenai idea pemikiran pascamodenisme akan dibuat di dalam bab ketiga secara terperinci yang membabitkan pemuka-pemuka dan penyokong-penyokong idea ini. Begitu juga dengan pendapat sesetengah pengkaji yang mengatakan pascamodenisme adalah sebuah model intelektual yang dangkal, kosong dan sekadar satu timbal balas daripada manusia yang begitu terpesona dengan segala macam perubahan sosial yang berlaku kini.

Tradisi disiplin pascamodenisme yang gemar membongkar dan menihilkan segala macam perkara dan ilmu menyebabkan ia telah dilabelkan sedemikina rupa. Sikap ini lebih jelas menampakkan kepada kita tentang betapa kegagalan manusia untuk terus mencipta alternatif bagi menggantikan kehadiran agama yang bersifat pengawal kepada setiap urusan dan pergerakan hidup. Seterusnya dalam hujah yang lain pascamodenisme turut disamakan dengan satu budaya yang sementara. Ia merupakan satu paradigma budaya yang mengalami perubahan dan boleh dibahaskan.

Zygmunt Bauman dalam bukunya *Intimations of Postmodernity* menjelaskan bahawa pascamoden lebih merupakan satu kemenangan ke atas budaya moden.<sup>6</sup> Objektifnya adalah untuk melempar jauh nilai budaya moden dan berusaha untuk menggantikannya dengan nilainya yang tersendiri. Golongan pemikir aliran ini telah berazam bersungguh-sungguh untuk mengatasi segala halangan yang merintang demi menjayakan matlamat perjuangan mereka. Memperkatakan tentang pascamoden seterusnya terdapat

pendapat-pendapat yang mengatakan pascamodenisme ini hanyalah sekadar kesan sejarah peninggalan era moden, atau pantulan dari gerakan modenisma yang telah berlalu. Hujah ini berdasarkan penggunaan perkataan pasca atau '*post*' yang secara literalnya membawa erti sesudah atau selepas.

Namun secara samar-samar, pascamodenisme menunjukkan dua hal yang berbeza. Pertama, ia dipandang sebagai keadaan sejarah selepas zaman moden. Sepertimana yang dinyatakan di atas, kata '*post*' atau 'pasca' mengandungi maksud sesudah. Dengan maksud ini, modernisasi dilihat telah berada pada garisan penghujungnya dan akan digantikan dengan zaman atau era baru. Kedua, ia dipandang sebagai gerakan intelektual (*intellectual movement*) yang cuba menggugat, bahkan mendekonstruksikan pemikiran sebelumnya yang berkembang dalam bingkai pemikiran modenisme. Pemikiran moden dengan tunjang utamanya iaitu kekuatan rasional manusia ingin digugat kerana telah mengheret manusia kepada absolutisme. Oleh itu pascamodenisme ini dilihat sebagai satu pemberontakan terhadap keangkuhan yang absolutistik. Dalam bentuk skeptis-dekonstruksi, pascamodenisme telah tampil dengan gaya wiranya untuk menentang segala bentuk pemikiran moden yang mendakwa adanya kebenaran tunggal yang berfungsi sebagai pusat pemikiran manusia.

Fokus penulisan ini akan tertumpu kepada bahagian ke tiga dan keempat, iaitu melihat apakah asas dan ciri-ciri pemikiran pascamoden dan melihat bagaimana aliran pemikiran ini mempengaruhi pemikiran barat khususnya dalam bidang sains dan sains sosial. Supaya lebih jelas pengaruh



pemikiran ini dalam bidang sains dan sains sosial akan dimuatkan dalam bab keempat. Dalam bahagian ketiga, penulis akan cuba memaparkan dengan terang susur galur pemikiran ini berdasarkan tunjang asas dan ciri-ciri pemikirannya agar ia akan memudahkan pembaca untuk terus memahami persoalan dan bahasan yang terkandung dalam bab keempat.

Jacques Derrida, merupakan seorang tokoh pemikir Perancis yang disegani, dikatakan bapa pemikiran pascamoden yang telah menggelorakan dunia falsafah barat dengan teori dekonstruksinya. Sebagai memulakan langkah awalnya beliau telah membina satu bentuk pemikirannya yang konkrit dengan permainan bahasa yang berbunyi "*there is nothing outside the text*" yang bermaksud "tiada apa di luar teks" yang dikatakan telah melampaui motto "*magnum opus cogito ergo sum*" yang telah dipopularkan oleh Rene Decartes.<sup>7</sup> Memandangkan teori dekonstruksi Derrida begitu sinonim dengan pascamoden, maka penulis akan memberi penekanan yang agak mendalam dan akan dimuatkan ke dalam bab ke ketiga.

Dalam bab keempat penulis akan memuatkan teras idea pascamodenisme berdasarkan tokoh-tokoh tertentu berhubung dengan sains dan sains sosial. Seterusnya kita juga melihat bagaimana pascamoden membentuk sebuah model intelektual, bergerak untuk menggugat dan mendekonstruksikan pemikiran sebelumnya yang wujud dalam paradigma pemikiran moden. Jika diteliti, tunjang utama pemikiran moden yang berpaksikan rasionaliti turut digugat oleh keangkuhan pascamodenisme yang lebih bersifat pemberontakan terhadap modenisme.

Bagi pendokong aliran ini manusia dikatakan tidak dapat mengetahui kebenaran sesuatu perkara itu secara objektif dan tepat. Sebaliknya apa yang diketahui oleh mereka hanyalah sekadar seumpama sesuatu petikan daripada sesuatu teks yang telah pun dikarang oleh pengarang. Akhirnya bahagian penutup penulis akan merumuskan secara keseluruhan apa yang telah dituliskan bermula dari bab yang pertama.